



- |  |
|--|
| <p><b>1. PEGAWAI PELAJARAN<br/>UNIT PENDIDIKAN KHAS<br/>KEMENTERIAN PENDIDIKAN<br/>G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN=1</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai Sijil Pendidikan Khas.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
5. Mempunyai pengalaman mengajar di sekolah-sekolah rendah atau menengah dan pernah menjadi Guru Pendidikan Khas adalah kelebihan.
6. Pemohon-pemohon yang sedang atau pernah bertugas di Unit Pendidikan Khas adalah kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang pendidikan seperti kursus-kursus Diploma Pendidikan / Post Graduate Diploma in Education / Master of Teaching dan yang berhubungkait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN :**

1. Membantu dalam membuat perancangan serta pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan atau program-program pendidikan bagi pelajar-pelajar keperluan khas.
2. Melaksanakan kursus, latihan serta bimbingan kepada guru-guru Pendidikan Khas (Guru SENA) supaya mereka dapat meningkatkan kesan pengajaran serta pencapaian pelajar-pelajar yang mengikuti program Pendidikan Khas di sekolah-sekolah.



3. Meningkatkan pengetahuan serta kemahiran Guru-Guru Kelas/Mata Pelajaran dalam bidang Pendidikan Khas.
4. Membantu dalam kerja-kerja penyelidikan dalam bidang-bidang Pendidikan Khas dari semasa ke semasa.
5. Bekerjasama dan memberi sumbangan kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain di Unit Pendidikan Khas.
6. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dan sebagai ahli dalam komiti-komiti Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan dan/atau kementerian-kementerian lain.
7. Lain-lain tugas dan tanggungjawab sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.